

Headline **Pensyarah digalak buat PhD di IPT tempatan**
Date **18. Jan 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **6**
Section **Nasional** Article Size **127** cm2
Circulation **217991** Frequency **Daily**
Readership **762968** Color **Full Color**



Pensyarah digalak buat PhD di IPT tempatan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi menyelar segelintir pensyarah yang lebih gemar mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) secara penuh di luar negara yang mengehendaki mereka berada di sana dalam tempoh panjang berbanding mengikuti program bersama di dalam negara.

Program PhD secara sepenuh masa di luar negara mengambil masa kira-kira tiga tahun, manakala program bersama universiti luar negara hanya memerlukan pelajar mengikuti separuh daripada tempoh itu di luar negara dan selebihnya di dalam negara.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan mempunyai sumber kewangan terhadap, justeru, pensyarah perlu memberi kerjasama dengan membantu kerajaan menggunakan sumber yang ada dengan lebih efektif.

"Menerusi program bersama dengan universiti luar negara, kerajaan boleh menghantar lebih ramai pensyarah untuk melanjutkan pelajaran dalam PhD dan kosnya juga rendah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena majlis menandatangani memorandum kerjasama antara institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia dan Perancis, di sini, semalam. Teks ucapannya dibacakan timbalannya, Datuk Ong Tee Kiat.

Dalam majlis itu, 11 naib canselor universiti awam tempatan menandatangani perjanjian kerjasama dengan tujuh universiti di Perancis yang diwakili Presiden Hubungan Antarabangsa dan Eropah, Kementerian Pengajian Tinggi Perancis, Prof Oliver Audeoud. Ia disaksikan Ong dan Duta Perancis ke Malaysia, Alain du Boispean.

Sebelas IPT itu ialah Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Malaysia Terengganu.